




eISSN 2716-6813

9 772716 681002

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 4 | 2022



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 4 | 2022

Pemakluman:

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “*Connecting the world with data we can trust*”

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia
Blok C6, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook : www.facebook.com/StatsMalaysia
Twitter : <http://twitter.com/StatsMalaysia>
Instagram : <http://instagram.com/StatsMalaysia>

Diterbitkan pada 27 April 2022.

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”.

eISSN 2716-6813

KANDUNGAN

02	TINTA KETUA PERANGKAWAN	
04	PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN	
08	SOROTAN PENTING	
10	BAROMETER EKONOMI	
11	PERSPEKTIF KESELURUHAN	
14	RENCANA	35
23	INFOGRAFIK	39
24	PERTANIAN	43
29	INDUSTRI DAN PEMBUATAN	47
31	PERKHIDMATAN	50
		64
		65
		SEKTOR LUARAN
		SENARIO BURUH
		HARGA
		WAY FORWARD
		INDIKATOR EKONOMI
		AHLI MESR
		PENGHARGAAN

Bagi pihak Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), saya mengalu-alukan pembaca dan pengguna ke edisi keempat bagi Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) pada tahun 2022. Sebagai agensi penjana statistik rasmi negara, kami komited dengan peranan kami dalam berkongsi statistik terkini dan relevan kepada umum. Edisi kali ini memfokuskan kepada statistik terkini yang diterbitkan pada Februari 2022 dan beberapa sorotan mengenai statistik akan datang bagi bulan Mac 2022. Di samping itu, edisi ini memaparkan artikel khas bertajuk "Kesan Pandemik COVID-19 terhadap Prestasi Pasaran Saham Malaysia", yang mengkaji prestasi pasaran saham Malaysia susulan berlakunya pandemik COVID-19 and krisis global.

Tahun 2022 dimulakan dengan harapan bahawa dunia akan kembali kepada keadaan normal seperti sebelum pandemik, terutamanya bagi ekonomi global. Namun begitu, pergolakan geopolitik telah merumitkan lagi usaha pemulihan, menyebabkan ekonomi global terkesan melalui sekatan kewangan, harga komoditi dan gangguan rantai bekalan. Selain itu, *lockdown* bagi mengekang penularan COVID-19 di beberapa bandar utama di China yang merupakan hab pembuatan dan perdagangan, telah memburukkan lagi masalah rantai bekalan global di samping menjasaskan pengeluaran perindustrian dan aktiviti eksport negara. Oleh itu, pertumbuhan global dijangka lebih perlahan dengan ketara pada 2022 berbanding unjuran asal 6.1 peratus pada 2021 kepada 3.6 peratus pada 2022 dan dijangka berterusan sehingga 2023 (*World Economic Outlook* oleh *International Monetary Fund* (IMF), April 2022).

Negara-negara di seluruh dunia sedang mengalami inflasi yang lebih tinggi berikutnya impak daripada gangguan global ini, terutamanya di United States of America (USA), menyebabkan kerajaan mereka melaksanakan dasar monetari yang lebih ketat. Selain itu, kenaikan berterusan harga komoditi juga boleh menyebabkan inflasi berterusan dan dijangka lebih tinggi pada bulan-bulan akan datang. Sebarang perubahan dasar di USA turut dikhuatir akan memberi kesan besar kepada kestabilan kewangan negara lain, sekali gus memperlakukan kadar pemulihan ekonomi mereka daripada pandemik COVID-19.

Bagi Malaysia, senario global yang berterusan ini turut dicerminkan melalui beberapa indikator utama bagi bulan Februari 2022 yang dibandingkan dengan bulan yang sama pada 2021. Paling ketara, inflasi negara adalah dalam trend menaik seperti yang dialami oleh negara lain, mencatatkan peningkatan sebanyak 2.2 peratus kepada 125.2 berbanding 122.5 pada Februari tahun lalu. Kadar inflasi, seperti bulan sebelumnya, terus merekodkan lebih tinggi daripada kadar purata Malaysia iaitu 1.9 peratus bagi tempoh 2011 hingga Februari 2022. Kenaikan ini disumbangkan terutamanya oleh peningkatan dalam indeks Pengangkutan (3.9%), Makanan & Minuman Bukan Alkohol (3.7%) dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (3.2%). Pada masa yang sama, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) pengeluaran tempatan meningkat 9.7 peratus berbanding kenaikan 9.2 peratus pada Januari, berikutan kenaikan indeks Perlombongan (23.3%), indeks Pertanian, perhutanan & perikanan (17.7%) dan indeks Pembuatan (7.9%).

Seiring dengan itu, indikator utama lain menunjukkan prestasi ekonomi kekal kukuh pada Februari 2022. Perdagangan Malaysia terus mengekalkan prestasi memberangsangkan dengan mencatatkan RM184.8 bilion, meningkat 17.5 peratus daripada RM157.3 bilion pada Februari 2021. Kedua-dua eksport dan import masing-masing melonjak 16.8 peratus dan 18.4 peratus tahun ke tahun dengan mencatatkan RM102.3 bilion dan RM82.5 bilion, seterusnya menghasilkan lebihan dagangan melebar kepada 10.7 peratus. Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) juga meningkat 3.9 peratus tahun ke tahun, berikutan pertumbuhan dalam indeks Pembuatan (5.2%) dan indeks Elektrik (3.9%). Nilai jualan dalam sektor Pembuatan meningkat 11.2 peratus tahun ke tahun dengan mencatatkan jumlah nilai jualan RM131.6 bilion. Sementara itu, Perdagangan Borong & Runcit tumbuh sebanyak 8.5 peratus tahun ke tahun dengan merekodkan jualan sebanyak RM117.2 bilion, terutamanya disumbangkan oleh peningkatan dalam jualan bagi subsektor Perdagangan Runcit, Perdagangan Borong dan Kenderaan Bermotor.

Kerancakan semula aktiviti ekonomi dan sosial secara berterusan mendorong kepada pemulihan perniagaan serta kebangkitan semula sektor pelancongan domestik telah banyak memberi manfaat kepada situasi pasaran buruh di Malaysia. Bilangan penduduk bekerja pada Februari 2022 meningkat 3.0 peratus kepada 15.73 juta orang berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Justeru, nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan keupayaan negara untuk mewujudkan pekerjaan meningkat sebanyak 1.1 mata peratus kepada 66.3 peratus pada Februari 2022, iaitu lebih tinggi daripada Februari tahun lalu pada 65.2 peratus. Sementara itu, kadar pengangguran bertambah baik berbanding bulan sebelum dengan merekodkan 4.1 peratus.

Bermula 1 April 2022, Malaysia telah beralih ke fasa endemik dan sempadan negara telah dibuka semula bagi membenarkan pelaksanaan pelancongan dan perjalanan antarabangsa tanpa kuarantin. Dengan mengambil langkah optimis ini, ekonomi Malaysia dijangka mengukuh tahun ini memandangkan penarikan semula sekatan sempadan akan memudahkan aktiviti perniagaan rentas sempadan, perdagangan dan perkhidmatan berkaitan pelaburan dan seterusnya menyumbang kepada permintaan yang lebih kukuh bagi barang dan perkhidmatan, produktiviti yang lebih tinggi dan pertumbuhan pekerjaan. Walau bagaimanapun, orang ramai dinasihatkan supaya sentiasa berhati-hati dan berwaspada serta mengamalkan SOP yang telah ditetapkan bagi memastikan pandemik kekal terkawal memandangkan COVID-19 masih boleh mencetuskan satu lagi wabak besar di seluruh dunia seperti yang diumumkan oleh World Health Organization.

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada pegawai DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.


Terima kasih.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN


April 2022

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN


**SOROTAN
STATISTIK**
EKONOMI MALAYSIA



*Nota: *Italic merujukkan lanjutan daripada pengumuman utama yang dibuat.*



PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN



Pada 15 Ogos 2021

- 11 kegiatan ekonomi dibenar kembali beroperasi di bawah Fasa 1 PPN (berkuatkuasa 16 Ogos 2021)

OGOS SEP

- Kemudahan tambahan sektor sosial dan ekonomi bagi individu vaksinasi lengkap (fase 1 PPN dan seterusnya) berkuat kuasa: 20 Ogos 2021

Pada 19 Ogos 2021

- Aktiviti *dine-in* bagi negeri-negeri fasa 1 PPN
 - Pusat pengedaran & jualan kereta
 - Kedai pakaian, fesyen & aksesori
 - Kedai barang rumah & peralatan dapur
 - Kedai peralatan sukan
 - Kedai aksesori kereta
 - Kedai perabot
- DIBENARKAN** membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah untuk *dine-in* di premis tersebut dengan mematuhi protokol keselamatan umum
- Operasi pasar malam & pasar minggu**
 - Pelanggan yang memasuki kawasan pasar malam/pasar minggu mestinya menunjukkan kad/sijil digital vaksinasi COVID-19

JUN JULAI

Perutusan Khas
Perdana Menteri

- Pada 3 Julai 2021
Perlis, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak (bermulai 5 Julai 2021)
- Pada 5 Julai 2021
Pulau Pinang (bermulai 7 Julai 2021)
- Pada 8 Julai 2021
Sabah (bermulai 10 Julai 2021)
- Pada 12 Julai 2021
Sarawak (bermulai 14 Julai 2021)

P K P K P N

**Pelan Pemulihan Negara
Fasa 1**

- Penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi atau 'total lockdown' Fasa Pertama (PKP 3.0) diteruskan di seluruh negara (PPN Fasa 1: berkuatkuasa 29 Jun 2021)

**Pelan Pemulihan Negara
Fasa 2**

- Pada 5 Julai 2021
Perlis, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak (bermulai 5 Julai 2021)
- Pada 8 Julai 2021
Pulau Pinang (bermulai 7 Julai 2021)
- Pada 12 Julai 2021
Sarawak (bermulai 14 Julai 2021)

KRONOLOGI PKP 2021

- Aktiviti di ne-in bagi negeri-negeri fasa 1 PPN**
 - Pusat pengedaran & jualan kereta
 - Kedai pakaian, fesyen & aksesori
 - Kedai barang rumah & peralatan dapur
 - Kedai peralatan sukan
 - Kedai aksesori kereta
 - Kedai perabot
- DIBENARKAN** membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah untuk *dine-in* di premis tersebut dengan mematuhi protokol keselamatan umum
- Operasi pasar malam & pasar minggu**
 - Pelanggan yang memasuki kawasan pasar malam/pasar minggu mestinya menunjukkan kad/sijil digital vaksinasi COVID-19

OKT NOV

**Pelan Pemulihan Negara
Fasa 4**

- Pelan Pemulihan Negara Fasa 4**
 - Pada 6 Oktober 2021
Pahang (bermulai 8 Oktober 2021)
 - Pada 16 Oktober 2021
WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, Selangor & Melaka (bermulai 18 Oktober 2021)
 - Pada 6 Oktober 2021
Johor (bermulai 8 Oktober 2021)
 - Pada 16 Oktober 2021
Perak, Kelantan, Riau, Riau, Johor & Terengganu (bermulai 25 Oktober 2021)
 - Pada 14 Ogos 2021
Perlis, Sarawak dan WP Labuan (bermulai 16 Ogos 2021)
- Pelan Pemulihan Negara Fasa 3**
 - Pada 6 Oktober 2021
Johor (bermulai 8 Oktober 2021)
 - Pada 16 Oktober 2021
Perak, Kelantan, Riau, Riau, Johor & Terengganu (bermulai 25 Oktober 2021)
 - Pada 14 Ogos 2021
Perlis, Sarawak dan WP Labuan (bermulai 16 Ogos 2021)

**Pelan Pemulihan Negara
Fasa 2**

- Pelan Pemulihan Negara Fasa 2**
 - Pada 2 September 2021
Negeri Sembilan (bermulai 4 September 2021)
 - Pada 15 September 2021
Terengganu (bermulai 17 September 2021)
 - Pada 2 September 2021
Melaka (bermulai 4 September 2021)
 - Pada 8 September 2021
Selangor, W.P. Kuala Lumpur, W.P. Putrajaya (bermulai 10 September 2021)
- Pelan Pemulihan Negara Fasa 3**
 - Pada 24 Ogos 2021
WP Labuan (bermulai 26 Ogos 2021)
 - Pada 22 September 2021
Negeri Sembilan (bermulai 24 September 2021)
- Pelan Pemulihan Negara Fasa 4**
 - Pada 2 September 2021
Negeri Sembilan (bermulai 4 September 2021)

SOROTAN PENTING


- Ekonomi global berada pada paras yang lebih lemah berbanding jangkaan pada dua bulan pertama 2022 berikutan sekatan pergerakan yang telah dipertingkatkan akibat penularan varian Omicron. Tambahan pula, gangguan rantaian bekalan yang berterusan telah mengakibatkan inflasi yang lebih tinggi di United States of America (USA) dan kebanyakannya pasaran baharu dan negara membangun. *International Monetary Fund (IMF)* mengunjurkan pertumbuhan global menyederhana daripada 6.1 peratus pada 2021 kepada 3.6 peratus pada 2022.
- Pengeluaran getah asli Malaysia menyusut 40.0 peratus kepada 29,920 tan metrik pada Februari 2022 daripada 49,840 tan metrik pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan bulanan, pengeluaran getah asli menurun 39.0 peratus berbanding 49,087 tan metrik pada bulan sebelumnya. Sementara itu, pengeluaran buah tandan segar meningkat 0.7 peratus kepada 7,374,154 tan metrik pada Mac 2022 berbanding bulan yang sama 2021 (7,325,670 tan metrik). Perbandingan bulan ke bulan juga mencatatkan peningkatan 23.4 peratus berbanding Februari 2022 (5,974,154 tan metrik).
- Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) meningkat 3.9 peratus pada Februari 2022 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Peningkatan IPP disumbangkan oleh kenaikan 5.2 peratus dalam indeks Pembuatan dan 3.9 peratus dalam indeks Elektrik. Sementara itu, indeks Perlombongan mencatatkan kemerosotan 0.4 peratus.
- Pada masa yang sama, nilai jualan sektor Pembuatan berjumlah RM131.6 bilion pada Februari 2022, meningkat 11.2 peratus (Januari 2022: 13.1%) berbanding bulan yang sama pada 2021. Peningkatan ini dipacu oleh Produk makanan, minuman & tembakau (16.4%), Produk petroleum, kimia, getah & plastik (12.6%) dan Produk elektrik & elektronik (9.8%).
- Meninjau prestasi sektor Perkhidmatan, Perdagangan Borong & Runcit Malaysia merekodkan nilai jualan RM117.2 bilion pada Februari 2022, meningkat 8.5 peratus tahun ke tahun. Peningkatan bagi Perdagangan Borong & Runcit disumbangkan oleh subsektor Perdagangan Runcit dengan peningkatan 10.2 peratus atau RM4.5 bilion kepada RM48.8 bilion. Perdagangan Borong juga berkembang dengan 6.2 peratus atau RM3.3 bilion kepada RM55.9 bilion. Dalam tempoh yang sama, Kenderaan Bermotor melonjak 12.5 peratus atau RM1.4 bilion kepada RM12.5 bilion.
- Pada Februari 2022, inflasi negara meningkat 2.2 peratus kepada 125.2 berbanding 122.5 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Kenaikan ini juga melepas purata kadar inflasi Malaysia bagi tempoh Januari 2011 hingga Februari 2022 (1.9%). Peningkatan inflasi keseluruhan ini telah didorong oleh terutamanya kenaikan dalam kumpulan Pengangkutan (3.9%) dan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (3.7%). Ini diikuti oleh Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (3.2%); Restoran & Hotel (2.6%) dan Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (1.6%).
- Selaras dengan itu juga, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) pengeluaran tempatan mencatatkan peningkatan 9.7 peratus tahun ke tahun pada Februari 2022 berbanding kenaikan 9.2 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya tahun ini. Momentum kenaikan harga ini didorong oleh kenaikan indeks Perlombongan (23.3%), indeks Pertanian, perhutanan & perikanan (17.7%), diikuti oleh pertumbuhan dalam indeks Pembuatan (7.9%), Bekalan air (1.4%) dan Bekalan elektrik & gas (0.8%).
- Jumlah perdagangan Malaysia pada Februari 2022 mengekalkan pertumbuhan dua digit iaitu 17.5 peratus tahun ke tahun kepada RM184.8 bilion berbanding RM157.3 bilion pada Februari 2021. Eksport meningkat 16.8 peratus kepada RM102.3 bilion, manakala import berkembang 18.4 peratus kepada RM82.5 bilion. Ini telah menyumbang kepada peningkatan lebihan dagangan 10.7 peratus tahun ke tahun kepada RM19.8 bilion.
- Beralih kepada situasi tenaga buruh, bilangan penduduk bekerja mencatatkan peningkatan marginal 0.3 peratus (+44.8 ribu orang) kepada 15.73 juta orang pada Februari 2022 (Januari 2022: 15.69 juta orang). Hasilnya, nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan keupayaan negara untuk mewujudkan pekerjaan meningkat 0.1 mata peratus kepada 66.3 peratus dan kadar pengangguran mencatatkan 4.1 peratus (Januari 2022: 4.2%). Tahun ke tahun, bilangan penduduk bekerja bertambah 3.0 peratus (Februari 2021: 15.27 juta orang) manakala nisbah guna tenaga kepada penduduk meningkat sebanyak 1.1 mata peratus (Februari 2021: 65.2%)

- Sentimen berhati-hati pelabur terhadap pasaran saham dengan prestasi Indeks Perusahaan Bursa Malaysia yang kurang memberangsangkan telah mempengaruhi perubahan tahunan Indeks Pelopor (IP) pada Februari 2022 dengan indeks menunjukkan prestasi yang lebih perlahan pada negatif 0.5 peratus. Namun begitu, trend yang lebih baik dilihat melalui pergerakan IP yang mencecah 110.8 mata pada Februari 2022 daripada 110.2 mata pada bulan sebelumnya, seiring perubahan bulanan IP yang meningkat kepada 0.5 peratus. Secara keseluruhan, prestasi IP pada bulan rujukan menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia kekal berada pada trajektori pemulihan. Walau bagaimanapun, momentum pertumbuhan dijangka akan menyederhana dalam masa terdekat berikutan gangguan ekonomi global yang berterusan.

BAROMETER EKONOMI


Indeks Pelopor

110.8
FEBRUARI 2022




Pengeluaran Buah Tandan Segar

0.7%
MAC 2022




Pengeluaran Getah Asli

-40.0%
FEBRUARI 2022




Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

3.9%
FEBRUARI 2022




Nilai Jualan Sektor Pembuatan

11.2%
FEBRUARI 2022




Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit

3.8%
FEBRUARI 2022




Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit

8.5%
FEBRUARI 2022




Eksport

16.8%
FEBRUARI 2022



Import

18.4%
FEBRUARI 2022



Kadar Pengangguran

4.1%
FEBRUARI 2022



Indeks Harga Pengguna (IHP)

2.2%
FEBRUARI 2022



Indeks Harga Pengeluaran Tempatan (IHPR)

9.7%
FEBRUARI 2022



Ekonomi Dunia

Pada awal tahun 2022, ekonomi global lebih rendah daripada unjuran sebelum ini, berikutan penularan varian Omicron yang mendorong kepada peningkatan sekatan pergerakan. Di samping itu, berdasarkan International Monetary Fund (IMF), gangguan rantaian bekalan yang berterusan telah mengakibatkan inflasi yang lebih tinggi di United States of America (USA) dan kebanyakannya pasaran baharu serta ekonomi membangun. Krisis hartanah di China juga dijangka memperlambangkan prospek pertumbuhan ekonomi dunia. IMF mengunjurkan pertumbuhan global menyederhana daripada 6.1 peratus pada 2021 kepada 3.6 peratus pada 2022, terutamanya dicerminkan oleh penurunan dalam dua ekonomi terbesar itu. Pertumbuhan global dijangka kekal pada 3.6 peratus tahun 2023.

World Health Organization (WHO) melaporkan sehingga April 2022, jumlah kes jangkitan dan kematian akibat COVID-19 menunjukkan trend menurun di seluruh dunia. Sementara itu, peratusan penduduk dunia telah lengkap divaksinasi kian meningkat, sekali gus menyebabkan pembukaan sempadan antarabangsa menjadi lebih relevan dan tepat pada masanya. Sebahagian besar negara telah mengumumkan rancangan untuk membuka semula atau melonggarkan sekatan sempadan antarabangsa mereka sebagai salah satu usaha untuk memulihkan ekonomi. Antara negara yang telah membuka pintu sempadan adalah USA, European Union (EU), Australia, New Zealand, Switzerland, France, China, Hong Kong dan United Kingdom (UK) dengan syarat telah lengkap divaksinasi dan mengemukakan keputusan ujian negatif COVID-19 sebagai keperluan penting bagi merentasi sempadan negara masing-masing.


Pada masa yang sama, United Nations World Tourism Organization (UNWTO) memperihalkan pelancongan antarabangsa dijangka akan pulih secara beransur-ansur pada tahun 2022 selepas mengalami kemerosotan yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Anggaran awal oleh UNWTO menunjukkan bahawa ketibaan pelancong antarabangsa pada tahun 2021 masih 72 peratus di bawah tahun pra-pandemik 2019. Walau bagaimanapun, ketibaan pelancong antarabangsa secara global pada Januari 2022 merekodkan peningkatan melebihi 18 juta pelawat di seluruh dunia, bersamaan dengan peningkatan sepanjang tahun 2021.

Pemulihan industri pelancongan secara berterusan dijangka akan memberi impak yang positif kepada kebanyakannya aktiviti ekonomi terutamanya dalam aktiviti pengangkutan, penginapan, makanan & minuman, perdagangan runcit dan kesenian, hiburan & rekreasi. Oleh yang demikian, pasaran buruh dijangka kembali pulih seiring dengan perkembangan ekonomi ini. Selain itu, International Labour Organization (ILO) mengunjurkan pasaran buruh pada 2022 akan meningkat berbanding 2021 walaupun berkemungkinan kekal di bawah paras pra-pandemik. ILO juga menyatakan bahawa jumlah pengangguran global dijangka menurun sebanyak 7 juta kepada 207 juta orang pada 2022 berbanding 186 juta orang pada tahun 2019.

Ekonomi Malaysia

Sebelum pandemik, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 4.4 peratus pada 2019 dengan nilai RM1.42 trilion yang didorong oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Walau bagaimanapun, wabak COVID-19 telah menggemparkan dunia sejak Januari 2020 termasuk Malaysia yang mengakibatkan kemerosotan dalam ekonomi Malaysia sebanyak 5.6 peratus (RM1.34 trilion) pada 2020, terendah sejak 1998 (**Carta 1**).

Carta 1: Perubahan Peratusan Tahunan KDNK Malaysia, 1991 - 2020



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PERSPEKTIF KESELURUHAN

Industri Pelancongan paling terjejas berikutan sekatan perjalanan dan penutupan sempadan antarabangsa. Di samping itu, industri pelancongan terdedah kepada pelbagai jenis cabaran seperti bencana alam, kemelut politik dan krisis kewangan. Melihat kepada trend ketibaan pelancong ke Malaysia, bilangan tersebut menyusut 10.6 peratus (5.6 juta pelancong) pada tahun 1998 akibat kemelesetan global. Selain itu, Malaysia juga mengalami kemerosotan 20.4 peratus (10.6 juta pelancong) pada 2003 berikutan wabak *Severe Acute Respiratory Syndrome* (SARS). Sementara itu, wabak COVID-19 yang melanda negara pada tahun 2020 telah mengakibatkan penurunan ketibaan pelancong sebanyak 83.4 peratus (4.3 juta pelancong) dan 96.9 peratus (0.13 juta pelancong) pada tahun 2021, kejatuhan yang paling ketara direkodkan (**Carta 2**).

Carta 2: Ketibaan Pelancong di Malaysia, 1991 - 2021




Sumber: Tourism Malaysia (TM)

Oleh itu, prestasi industri pelancongan menyusut dua digit kepada 17.1 peratus pada tahun 2020 berbanding pertumbuhan 9.1 peratus pada tahun sebelumnya. Penurunan tersebut dipengaruhi oleh agensi pelancongan (-66.7%) dan perkhidmatan penginapan (-54.6%). Nilai Ditambah Kasar Industri Pelancongan (NDKIP) merekodkan RM199.4 bilion dengan sumbangan sebanyak 14.1 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Pada tahun 2021, pelbagai usaha padu telah dilaksanakan bagi memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19 termasuk pemberian vaksin dan dos penggalak. Walaupun pintu sempadan antarabangsa masih kekal ditutup, kerajaan telah mengambil inisiatif dengan membuka pintu sempadan antarabangsa melalui *Langkawi International Travel Bubble* dan Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin (VTL-Land) antara Singapore-Malaysia bagi yang telah lengkap divaksinasi. Inisiatif awal ini telah menunjukkan hasil positif dengan jumlah pelancong direkodkan seramai 134.7 ribu pelancong, di mana bulan Disember mencatatkan ketibaan tertinggi iaitu 25.0 ribu pelancong. Justeru, perkhidmatan penginapan mencatatkan penurunan lebih perlahan 24.3 peratus pada 2021 berbanding tahun sebelumnya.

Pada tahun 2022, Malaysia memasuki fasa peralihan kepada fasa endemik dan seterusnya pintu sempadan antarabangsa telah dibuka sepenuhnya berkuat kuasa pada 1 April 2022. Ini secara tidak langsung akan membantu dalam pemulihian prestasi keseluruhan ekonomi negara, khususnya industri pelancongan. Singapore's Immigration & Checkpoints Authority (ICA) menyatakan bahawa 6,100 orang telah memasuki Singapore dan 27,600 orang telah tiba ke Malaysia pada hari pertama pembukaan pintu sempadan Malaysia-Singapore.

**Carta 3: Indeks Pelopor (2015=100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu),
Januari 1991 - Februari 2022**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada masa yang sama, melihat kepada prestasi Indeks Pelopor (IP) pada Februari 2022, menunjukkan prestasi yang lebih perlahan pada negatif 0.5 peratus, dipengaruhi terutamanya oleh sentimen pelabur yang berhati-hati terhadap pasaran saham dengan prestasi Indeks Perusahaan Bursa Malaysia yang kurang memberangsangkan. Namun begitu, trend yang lebih baik diperhatikan melalui pergerakan IP apabila mencecah 110.8 mata pada Februari 2022 daripada 110.2 mata yang direkodkan pada bulan sebelumnya, seiring dengan perubahan bulanan IP yang meningkat kepada 0.5 peratus (**Carta 3**). Secara keseluruhan, prestasi IP pada bulan rujukan menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia kekal pada trajektori pemulihan walaupun momentum pertumbuhan perlahan dalam masa terdekat. Tambahan pula, gangguan ekonomi global yang berterusan dijangka memperlambangkan momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia.

KESAN PANDEMIK COVID-19 TERHADAP PRESTASI PASARAN SAHAM MALAYSIA

Azni Mazhana Abdul Manab, Norfasihah Abu Bakar, Mohd Afzainizam Abdullah, Asyraf Nasyran Samiun
Bahagian Petunjuk Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia

PENGENALAN

Pandemik COVID-19 yang berpanjangan telah mengancam nyawa di seluruh dunia dan turut menyebabkan krisis ekonomi global. Wabak yang merebak secara meluas ini telah menyebabkan kemerosotan ekonomi yang lebih dahsyat berbanding wabak terdahulu dengan mengakibatkan gangguan ekonomi dari segi rantai bekalan global, permintaan yang lemah, kehilangan pekerjaan dan prestasi pasaran saham yang tidak menentu. Kemudiannya, keadaan ini turut membawa kepada kesan buruk terhadap pasaran saham rantau Asia Tenggara termasuk Malaysia berikutan daripada sekatan pergerakan, penutupan sempadan dan aktiviti ekonomi yang diperketatkan. Berikut langkah-langkah mitigasi tersebut, bagaimanakah pasaran saham Malaysia yang diukur oleh Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBMKLCI) bertindak balas terhadap wabak COVID-19?

Bursa Malaysia (BURSA) merupakan salah satu bursa terbesar di ASEAN yang berfungsi sebagai institusi yang menyediakan kemudahan dan peraturan untuk urus niaga saham di Malaysia. Tambahan pula, BURSA menyediakan platform pasaran untuk syarikat meningkatkan modal perniagaan dengan menyenaraikan sekuriti dan menyediakan maklumat pasaran saham kepada pelabur yang berpotensi dan pelabur sedia ada. Prestasi pasaran saham Malaysia ditunjukkan oleh FBMKLCI yang mewakili 30 syarikat teratas di pasaran utama Bursa Malaysia.

SOROTAN KAJIAN

COVID-19 telah mengakibatkan kejatuhan ekonomi yang akan mengambil masa yang lama untuk pulih di hampir seluruh negara di dunia. Dengan peningkatan jangkitan penyakit dicatatkan, kesannya kepada ekonomi akan berpanjangan (OECD, 2020).

Ozili dan Arun (2020) memberikan pandangan tentang kesan COVID-19 terhadap ekonomi global bagi tempoh kajian bermula pada awal 2020 dan berakhir pada Mac apabila COVID-19 merebak ke kebanyakan negara. Kajian tersebut menggunakan dasar utama kerajaan seperti dasar kewangan fiskal, langkah kesihatan awam dan langkah sekatan dalam tempoh kajian. Penulis menggunakan kajian empirikal untuk menentukan kesan dasar penjarakan sosial terhadap ekonomi dan indeks pasaran saham negara. Kajian menunjukkan bahawa sekatan pergerakan domestik dan peningkatan dalam perbelanjaan dasar fiskal memberi kesan positif ke atas tahap aktiviti ekonomi dan harga pasaran saham utama walaupun dengan jumlah kes koronavirus yang disahkan terus meningkat namun tidak memberi kesan yang ketara ke atas tahap aktiviti ekonomi.

Menurut Capelle-Blancard dan Desroziers (2020), pasaran saham tidak terkesan dengan pandemik sehingga 21 Februari, sebelum bertindak balas terhadap peningkatan jumlah yang dijangkiti dari 23 Februari hingga 20 Mac, dan jurang tidak menentu selepas campur tangan bank pusat pada 23 Mac hingga 30 April. Walau bagaimanapun, berita mengenai krisis kesihatan dilihat tidak menjelaskan pemegang saham selepas itu. Kajian itu juga menunjukkan bahawa pasaran saham kurang sensitif terhadap perubahan makroekonomi setiap negara sebelum krisis berbanding dengan reaksi semasa krisis.

METODOLOGI

Data

Data yang digunakan dalam kajian ini adalah FBMKLCI bermula dari Januari 2019 sehingga Februari 2022; Indeks Sektor Bursa Malaysia bagi tahun 2019, 2020 dan 2021; data kes jangkitan COVID-19 dari Januari 2020 sehingga Februari 2022; dan Indeks Bursa Malaysia dan Pasaran Saham Negara terpilih diperolehi dari Januari 2019 sehingga Februari 2022.

Ujian Augmented Dickey-Fuller

Ujian *Augmented Dickey-Fuller* (Ujian ADF) ialah ujian punca unit yang digunakan untuk menentukan sama ada siri masa yang diberikan adalah pegun atau tidak.

Ujian ADF boleh mengendalikan model yang lebih kompleks daripada ujian *Dickey-Fuller*, dan ia juga lebih tepat. Ujian ini harus digunakan dengan berhati-hati kerana ia mempunyai kadar ralat Jenis I yang agak tinggi.

Memilih Model dan Lag

Sebelum ujian ADF dijalankan, data perlu disemak untuk mengetahui model regresi yang sesuai digunakan. Tiga model regresi asas ialah:

- i. Tiada pemalar, tiada trend: $\Delta y_t = \gamma y_{t-1} + v_t$
- ii. Malar, tiada trend: $\Delta y_t = \alpha + \gamma y_{t-1} + v_t$
- iii. Malar dan ada trend: $\Delta y_t = \alpha + \gamma y_{t-1} + \lambda_t + v_t$

Ujian ADF dengan **perbezaan lag** mengikut model di bawah:

- i. Tiada pemalar, tiada trend: $\Delta y_t = \gamma y_{t-1} + \sum_{s=1}^m a_s \Delta y_{t-s} + v_t$
- ii. Malar, tiada trend: $\Delta y_t = \alpha + \gamma y_{t-1} + \sum_{s=1}^m a_s \Delta y_{t-s} + v_t$
- iii. Malar dan ada trend: $\Delta y_t = \alpha + \gamma y_{t-1} + \lambda_t + \sum_{s=1}^m a_s \Delta y_{t-s} + v_t$

Panjang *lag* dipilih untuk menjalankan ujian. Panjang *lag* harus dipilih supaya residual tidak berkorelasi secara bersiri. Terdapat beberapa pilihan untuk memilih *lag* iaitu berdasarkan nilai minima *Akaike's information criterion* (AIC) atau *Bayesian information criterion* (BIC), atau abaikan *lag* sehingga *lag* terakhir adalah signifikan secara statistik.

Formula Pekali Kolerasi

Formula pekali korelasi digunakan untuk mencari kekuatan hubungan antara pemboleh ubah. Formula memberikan nilai di antara -1 dan 1. Ukuran korelasi yang sering digunakan dalam statistik ialah korelasi Pearson. Ia menunjukkan hubungan linear antara dua set data.

Formula pekali korelasi Pearson diperoleh dari:

Di mana:

$$r = \frac{n(\Sigma xy) - (\Sigma x)(\Sigma y)}{\sqrt{[n\Sigma x^2 - (\Sigma x)^2][n\Sigma y^2 - (\Sigma y)^2]}}$$

r = pekali korelasi

n = bilangan pasangan pemboleh ubah

Σxy = jumlah produk pemboleh ubah berpasangan

Σx = jumlah x-variable dalam sampel

Σy = jumlah y-variable dalam sampel

Σx^2 = jumlah pemboleh ubah x kuasa dua

Σy^2 = jumlah pemboleh ubah y kuasa dua

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Ketidaktentuan ekonomi global dan penularan wabak COVID-19 secara meluas yang mana mengurangkan kesediaan pelabur untuk mengambil risiko telah mendorong pasaran saham di Malaysia jatuh pada awal 2020. Lanjutan daripada itu, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 telah memberi kejutan kepada pasaran dan menyebabkan indeks FBMKLCI jatuh kepada 1,350.89 mata yang mana terendah semenjak Januari 2019. Walau bagaimanapun, pelonggaran syarat PKP dan pembukaan semula ekonomi secara berperingkat telah menyokong pemuliharaan pasaran saham pada pertengahan 2020. FBMKLCI kembali merosot pada Oktober 2020, dek dilanda kebimbangan terhadap peningkatan jumlah jangkitan COVID-19 di seluruh dunia. Namun demikian, pasaran saham domestik kekal dalam aliran menaik pada penghujung 2020 kerana didorong oleh sentimen positif pelabur berikutan tindakan Kerajaan dalam mengawal wabak tersebut walaupun kawalan pergerakan dilaksanakan di beberapa negeri.

Carta 1a: Prestasi Indeks FBMKLCI, Januari 2019 - Februari 2022



Sumber: Bursa Malaysia


Pada tahun 2021, prestasi FBMKLCI mula menurun berikutan peningkatan mendadak kes COVID-19 dan pelaksanaan PKP 2.0 yang telah menyumbang kepada ketidaktentuan pasaran domestik. Tambahan pula, FBMKLCI menunjukkan penurunan pada Mei hingga Julai 2021 dipacu oleh peningkatan kes COVID-19 varian Delta. Seterusnya, FBMKLCI meningkat secara sederhana pada Ogos 2021 didorong oleh peningkatan kadar vaksinasi lengkap dalam kalangan penduduk dewasa. Secara keseluruhannya, pembukaan ekonomi domestik telah menyuntik sentimen positif di kalangan pelabur sekali gus meningkatkan prestasi FBMKLCI (**Carta 1a**).

Jadual 1: Korelasi di antara FBMKLCI dan Kes COVID-19

Pembolehubah	Kes COVID-19 Bulanan
FBMKLCI	0.2509

Kaedah ADF mengukur kepegunaan siri masa FBMKLCI dan kes COVID-19 bulanan. Hasil ujian mendapati siri masa FBMKLCI pegun manakala siri masa kes COVID-19 bulanan adalah tidak pegun. Siri masa COVID-19 bulanan bertukar pegun setelah pembezaan pertama. Di samping itu, hasil ujian korelasi mendapati bahawa korelasi adalah positif lemah iaitu sebanyak 0.25 (**Jadual 1a**).

Carta 1b: Prestasi Indeks Sektor Bursa Malaysia (Tahun ke Tahun)



Sumber: Bursa Malaysia

Antara sektor yang mencatatkan pertumbuhan positif pada tahun 2020 ialah sektor Kesihatan (+185.6%), Teknologi (+83.9%) dan Produk & Perkhidmatan Industri (+16.11%). Sementara itu, sektor yang mencatatkan penurunan ialah Tenaga (-27.8%), Amanah Pelaburan Hartanah (REIT) (-13.4%) dan Hartanah (-11.5%).

Walau bagaimanapun, kebanyakan merosot pada 2021 kecuali Teknologi, Produk & Perkhidmatan Industri serta Pengangkutan & Logistik. Teknologi menunjukkan peningkatan peratus tertinggi sejarah dengan inisiatif pendigitalan dalam penyesuaian terhadap perubahan landskap perniagaan. Kebanyakan firma mengaut keuntungan melalui penjualan perkhidmatan digital, perisian dan peralatan teknologi. Lonjakan permintaan pasaran domestik dan antarabangsa memberi kesan positif kepada produk dan industri. Begitu juga bagi pengangkutan dan logistik yang turut mengalami peningkatan susulan permintaan yang tinggi melalui pembelian secara dalam talian dan penghantaran semasa tempoh pandemik. Tambahan pula, pakej rangsangan turut mewujudkan sentimen positif terhadap prospek ekonomi. Sebaliknya, sektor Penjagaan Kesihatan yang meningkat dengan drastik berbanding sektor lain pada 2020, mengalami kemerosotan pada 2021 disebabkan oleh peningkatan populasi yang telah divaksin dan mengakibatkan pengurangan permintaan terhadap sarung tangan dan produk pembuatan berkaitan kesihatan (**Carta 1b**).


Melihat kepada prestasi FBMKLCI dan pasaran saham negara-negara ASEAN terpilih, FBMKLCI mencatatkan penurunan sebanyak 8.9 peratus pada Mac 2020 berikutan permulaan PKP. Sementara itu, Bursa Saham Thailand (SET) merosot sebanyak 16.0 peratus, Bursa Saham Indonesia (JCI) sebanyak 16.8 peratus, diikuti oleh Bursa Singapura (STI) sebanyak 17.6 peratus dan Bursa Saham Filipina (PSEi) sebanyak 21.6 peratus (**Carta 1c**).

Pasaran saham negara-negara ASEAN terpilih menunjukkan prestasi yang positif pada Februari 2022 berbanding dengan Mac 2020.

FBMKLCI meningkat pada Februari 2022 berbanding dengan Mac 2020 dengan kenaikan sebanyak 19.5 peratus. Dari segi sektor, Teknologi dan Produk & perkhidmatan perindustrian merupakan sektor prestasi terbaik dengan peningkatan masing-masing sebanyak 161.8 peratus dan 95.99 peratus.

Sementara itu, JCI meningkat kepada 51.8 peratus diikuti oleh SETI pada 49.7 peratus, PSEi pada 37.4 peratus dan STI sebanyak 30.7 peratus, mengatasi prestasi pasaran saham yang lain apabila kebanyakan negara mengambil langkah-langkah ke arah pembukaan semula ekonomi dan sekatan sempadan.

Carta 1c: Prestasi Indeks Bursa Malaysia dan Pasaran Saham Negara Terpilih, Januari 2019 - Februari 2022



Sumber: Bursa Malaysia, Bursa Saham Indonesia, Bursa Saham Thailand, Bursa Saham Filipina, Bursa Singapura, Bursa Saham Ukraine dan Bursa Moscow

Konflik Russia-Ukraine yang berlaku baru-baru ini telah menarik perhatian seluruh dunia dan mengakibatkan beberapa negara mula mengenakan sekat ekonomi. Dengan demikian, indeks pasaran saham bulanan Russia (MOEX) mulai jatuh pada Februari 2022 sejak permulaan pencerobohan ke atas Ukraine. Walau bagaimanapun, indeks pasaran saham bulanan Ukraine (PFTSI) kekal konsisten disebabkan dagangan yang tidak ditutup atas sokongan kuat daripada USA. Manakala FBMKLCI dilihat tidak terjejas secara langsung oleh krisis tersebut.

Jadual 1b: Korelasi di antara FBMKLCI dengan PFTSI dan MOEX

Pembolehubah	PFTSI	MOEX
FBMKLCI	0.1722	0.0720

Hasil Ujian Korelasi mendapati bahawa korelasi di antara FBMKLCI dengan PFTSI adalah positif lemah iaitu sebanyak 0.17 manakala korelasi positif yang sangat lemah di antara FBMKLCI dengan MOEX dengan mencatatkan nilai sebanyak 0.07 (**Jadual 1b**).

KESIMPULAN

Wabak COVID-19 telah membawa impak yang negatif terhadap rantai bekalan dan permintaan dalam ekonomi serta kepada prestasi pasaran saham. Meskipun mengalami kesan buruk, prestasi pasaran Bursa adalah lebih baik berbanding negara serantau lain semasa pandemik dan dilihat stabil pada permulaan konflik Russia-Ukraine. Melangkah ke hadapan, normalisasi aktiviti ekonomi dijangka akan meningkatkan momentum ekonomi sepanjang 2022. Prospek ekonomi yang positif ini juga dijangka akan meningkatkan sentimen dagangan. Namun, ketidaktentuan yang tinggi akibat pandemik yang berpanjangan dan krisis yang berlarutan di Ukraine mampu menghadkan prospek pasaran saham. Sementara itu, hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat hubungan korelasi positif yang lemah antara prestasi pasaran saham dan kes jangkitan COVID-19. Analisis ke atas hubungan antara pasaran saham FBMKLCI terhadap pasaran saham bulanan Russia dan Ukraine turut menunjukkan hubungan yang sangat lemah dengan kedua-dua pasaran saham berkenaan. Walau bagaimanapun, kajian menggunakan data siri masa yang lebih panjang dijangka memberi gambaran yang lebih tepat. Bagi kajian lanjut, analisis kesan pembendungan penyebaran COVID-19 oleh kerajaan melalui perintah kawalan pergerakan dan aktiviti ekonomi yang diperketatkan terhadap pasaran saham Malaysia boleh dilaksanakan menggunakan data OXFORD COVID-19 Government Response Stringency Index.

PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengarah Bahagian Petunjuk Ekonomi, Puan Jamia Aznita Jamal di atas bimbingan dan pandangan dalam penyediaan artikel ini.

PENAFIAN

Pandangan yang dikemukakan adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan DOSM.

RUJUKAN

- Ozili, P. K., & Arun, T. (2020). Spillover of COVID-19: impact on the Global Economy.
- Baker, S. R., Bloom, N., Davis, S. J., Kost, K., Sammon, M., & Virayosin, T. (2020). The unprecedented stock market reaction to COVID-19. The review of asset pricing studies, 10(4), 742-758.
- Capelle-Blancard, G., & Desroziers, A. (2020). The stock market is not the economy? Insights from the COVID-19 crisis. Insights from the COVID-19 Crisis (June 16, 2020). CEPR COVID Economics.
- Tanjangco, B., Cao, Y., Nadin, R., Calabrese, L., & Borodyna, O. (2020). Pulse 1: COVID-19 and economic crisis—China's recovery and international response. Research reports and studies of Overseas Development Institute.
- Secon, H., Woodward, A., & Mosher, D. (2020). A comprehensive timeline of the new coronavirus pandemic, from China's first COVID-19 case to the present. Business Insider, 1.

[RHB, Market Strategy, Dec 2021 Quarter Earnings Review](#)

[Bursa Malaysia, Ground Rules For The Bursa Malaysia Index Series, September 2018](#)

Kementerian Kewangan Malaysia (2021), Tinjauan Ekonomi 2021, Tinjauan Ekonomi 2021

Kementerian Kewangan Malaysia (2022), Tinjauan Ekonomi 2022, Tinjauan Ekonomi 2022

Bank Negara Malaysia. (2021). Laporan Tahunan 2020. Kuala Lumpur. Dicapai daripada Laman Sesawang Bank Negara: <https://www.bnm.gov.my>

FTSE Bursa Malaysia KLCI (Februari 2022), Indeks Komposit, Diperolehi dari Laman Sesawang Bursa Malaysia: <https://www.bursamalaysia.com/>

Jakarta Stock Exchange Composite Index (Februari 2022), Indeks Komposit, Diperolehi dari Laman Sesawang Indonesia Stock Exchange: <https://www.idx.co.id/en-us/market-data/statistical-reports/statistics/>

Thailand SET Index (Februari 2022), Indeks Komposit, Diperolehi dari Laman Sesawang The Stock Exchange of Thailand: <https://www.set.or.th/set/mainpage.do?language=en&country=US>

Philippine Stock Exchange Index (Februari 2022), Indeks Komposit, Diperolehi dari Laman Sesawang The Phillipines Stock Exchange, Inc.: <https://www.pse.com.ph/>

FTSE Straits Times Index (Februari 2022), Indeks Komposit, Diperolehi dari Laman Sesawang Singapore Exchange: <https://www.sgx.com/>

Ukraine PFTS Index (Februari 2022), Indeks Komposit, Diperolehi dari Laman Sesawang Investing.com: <https://www.investing.com/indices/pfts>

MOEX Russia Index (Februari 2022), Indeks Komposit, Diperolehi dari Laman Sesawang Yahoo Finance!: <https://finance.yahoo.com/quote/IMOEX.ME/history?p=IMOEX.ME>

Augmented Dickey Fuller Test, Diperoleh dari Laman Sesawang statisticshowto: <https://www.statisticshowto.com/adf-augmented-dickey-fuller-test/>

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



PRESTASI SEKTORAL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



#KELUARGA
MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 4/ 2022

PENGELOUARAN

Pengeluaran Buah Tandan Segar (Kelapa Sawit)

Mac 2022: 7,374,154 tan metrik Δ 0.7%
Feb 2022: 5,974,154 tan metrik Δ 4.2%

Pengeluaran Getah Asli

Feb 2022: 29,920 tan metrik Δ -40.0%
Jan 2022: 49,087 tan metrik Δ 7.3%

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

Feb 2022: Δ 3.9%
Jan 2022: Δ 4.3%

Nilai Jualan Sektor Pembuatan

Feb 2022: RM131.6b Δ 11.2%
Jan 2022: RM139.0b Δ 13.1%

Nilai Jualan Sektor Perdagangan Borong & Runcit

Feb 2022: RM117.2b Δ 8.5%
Jan 2022: RM120.2b Δ 7.5%

SEKTOR LUARAN

Eksport
Mac 2022: RM131.6b Δ 25.4%
Feb 2022: RM102.3b Δ 16.8%
Jan 2022: RM111.1b Δ 23.9%

Import
Mac 2022: RM104.9b Δ 29.9%
Feb 2022: RM82.5b Δ 18.4%
Jan 2022: RM92.5b Δ 26.7%

PASARAN BURUH

Bilangan Penduduk Bekerja
Feb 2022: 15.73 juta orang Δ 3.0%
Jan 2022: 15.69 juta orang Δ 2.9%

Kadar Pengangguran

Feb 2022: 4.1%
Jan 2022: 4.2%

HARGA


Indeks Harga Pengguna (IHP)
Mac 2022: Δ 2.2%
Feb 2022: Δ 2.2%
Jan 2022: Δ 2.3%

Indeks Harga Pengeluar (IHPR)
Feb 2022: Δ 9.7%
Jan 2022: Δ 9.2%

Kelapa Sawit

Ladang kelapa sawit Malaysia mengeluarkan 7,374,154 tan metrik buah tandan segar pada Mac 2022 meningkat 23.4 peratus berbanding bulan sebelumnya sebanyak 5,974,154 tan metrik (**Carta 4**). Pengeluaran buah tandan segar meningkat sebanyak 0.7 peratus tahun ke tahun berbanding Mac 2021 (7,325,670 tan metrik).

Carta 4: Pengeluaran Buah Tandan Segar, Februari 2021 - Mac 2022



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia


Merujuk **Jadual 1**, purata penghasilan buah tandan segar Malaysia meningkat kepada 1.18 tan metrik/ha pada Mac 2022 daripada 0.99 tan metrik/ha pada bulan sebelumnya. Purata pengeluaran hasil buah tandan segar di Semenanjung Malaysia melonjak 23.4 peratus kepada 1.32 tan metrik/ha (Februari 2022: 1.07 tan metrik/ha) manakala Sabah/Sarawak meningkat 14.0 peratus kepada 1.06 tan metrik/ha (Februari 2022: 0.93 tan metrik/ha).

Jadual 1: Purata Penghasilan Buah Tandan Segar mengikut Kawasan, Mac 2021 - Mac 2022 (Tan Metrik/ Ha)

Wilayah	2021												2022		
	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac		
Malaysia	1.20	1.28	1.33	1.35	1.30	1.44	1.45	1.46	1.41	1.26	1.10	0.99	1.18		
Semenanjung Malaysia	1.33	1.40	1.40	1.41	1.42	1.55	1.48	1.51	1.44	1.24	1.08	1.07	1.32		
Sabah/ Sarawak	1.10	1.19	1.27	1.29	1.20	1.35	1.42	1.41	1.38	1.27	1.11	0.93	1.06		


Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Pada masa yang sama, pengeluaran di kilang kelapa sawit meningkat apabila lebih banyak buah tandan segar dituai pada Mac 2022. Pengeluaran minyak sawit mentah dan isirung sawit masing-masing meningkat 24.1 peratus (Mac 2022: 1,411,215 tan metrik, Februari 2022: 1,137,460 tan metrik) dan 26.9 peratus (Mac 2022: 359,165 tan metrik, Februari 2022: 283,046 tan metrik) seperti di **Carta 5**. Pengeluaran minyak isirung sawit mentah dan dedak isirung masing-masing turut meningkat sebanyak 26.9 peratus (Mac 2022: 160,693 tan metrik, Februari 2022: 126,669 tan metrik) dan 26.2 peratus (Mac 2022: 180,516 tan metrik, Februari 2022: 143,073 tan metrik).

Carta 5: Pengeluaran mengikut Produk Utama Kelapa Sawit, Februari 2021 - Mac 2022


Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia


Eksport minyak sawit meningkat 14.1 peratus kepada 1,265,379 tan metrik pada Mac 2022 berbanding 1,108,576 tan metrik pada Februari 2022 (**Carta 6**). India kekal sebagai negara pengimpor terbesar dengan 224,394 tan metrik, menyumbang 17.7 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport minyak sawit diikuti China (11.4%), Netherlands (8.6%), Pakistan (6.4%) dan Kenya (5.0%).

Carta 6: Eksport Minyak Sawit, Februari 2021 - Mac 2022


Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Sebaliknya, import minyak sawit pada Mac 2022 merosot 43.3 peratus kepada 84,871 tan metrik berbanding bulan sebelumnya (149,793 tan metrik) seperti yang ditunjukkan pada **Carta 7**. Sementara itu, import minyak isirung sawit dan isirung sawit masing-masing meningkat 21.7 peratus kepada 15,574 tan metrik (Februari 2022: 12,799 tan metrik) dan 102.5 peratus kepada 4,938 tan metrik (Februari 2022: 2,439 tan metrik).

Carta 7: Import mengikut Produk Kelapa Sawit, Februari 2021 - Mac 2022



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Getah

Pengeluaran getah asli menurun 39.0 peratus pada Februari 2022 kepada 29,920 tan metrik berbanding 49,087 tan metrik yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Bagaimanapun, pengeluaran tahunan juga menunjukkan penurunan 40.0 peratus berbanding 49,840 tan metrik pada bulan yang sama tahun 2021 seperti pada **Carta 8**.

Carta 8: Pengeluaran Getah Asli, Januari 2021 - Februari 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor pekebun kecil merupakan penyumbang utama kepada pengeluaran getah asli pada Februari 2022, menyumbang 88.4 peratus (26,449 tan metrik) daripada jumlah pengeluaran. Industri estet yang mewakili 11.6 peratus (3,471 tan metrik) daripada baki pengeluaran. Pengeluaran bulanan di kedua-dua sektor ini masing-masing menurun sebanyak 39.4 peratus dan 35.9 peratus.

Berdasarkan analisis harga purata bulanan, Lateks Pekat berkembang sebanyak 15.0 peratus (Februari 2022: 658.14 sen sekilogram, Januari 2022: 572.08 sen sekilogram) dan Sekerap 0.6 peratus (Februari 2022: 606.41 sen sekilogram, Januari 2022: 603.05 sen sekilogram). Trend yang sama boleh dilihat untuk semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) yang meningkat antara 0.9 hingga 14.9 peratus. Menurut World Bank Commodity Price Data, harga bagi getah jenis TSR 20 (Technically Specified Rubber) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) masing-masing meningkat 0.6 peratus (daripada USD1.78/kg kepada USD1.79/kg) dan 7.0 peratus (daripada USD1.97/kg kepada USD2.11/kg).


Carta 9: Harga Purata Bulanan bagi Getah Asli, Februari 2021, Januari 2022 dan Februari 2022



Sumber: Lembaga Getah Malaysia

Jumlah stok getah asli meningkat 2.8 peratus pada Februari 2022 kepada 318,699 tan metrik meningkat sedikit daripada 310,002 tan metrik pada Januari 2022 seperti yang ditunjukkan pada **Carta 10**. Sementara itu, penggunaan domestik menurun 8.1 peratus pada Februari 2022 kepada 39,865 tan metrik daripada 43,390 tan metrik pada bulan sebelumnya.

Carta 10: Stok Getah Asli, Januari 2021 - Februari 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 47,682 tan metrik pada Februari 2022 menurun 6.8 peratus berbanding bulan sebelumnya (51,160 tan metrik). China kekal sebagai pengimport tertinggi getah asli pada Februari 2022 mendominasi 50.8 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport diikuti United States (5.1%), Germany (3.5%), Turkey (3.4%) dan Brazil (2.1%).

Sarung tangan merupakan eksport utama produk berasaskan getah pada Februari 2022 dengan nilai sebanyak RM1.9 bilion, menurun sebanyak 13.5 peratus daripada Januari 2022 (RM2.2 bilion). Tiga negara eksport tertinggi sarung tangan getah ialah USA dengan nilai RM623.9 juta, Germany (RM137.6 juta) dan Japan (RM102.7 juta) seperti ditunjukkan dalam **Jadual 2**.

Jadual 2: 10 Negara Eksport Tertinggi Sarung Getah, Januari 2022 dan Februari 2022


Negara	Kuantiti (Tan metrik)		Nilai (RM juta)	
	Januari 2022	Februari 2022	Januari 2022	Februari 2022
United States of America	17,340	17,633	631.3	623.9
Germany	4,725	4,443	151.3	137.6
China	4,054	4,319	74.8	95.3
Japan	3,338	2,852	124.9	102.7
Brazil	3,492	2,824	76.4	55.2
Turkey	3,104	2,669	60.4	53.8
India	3,790	2,180	69.7	42.3
Italy	2,056	2,127	51.8	53.4
Netherlands	1,390	1,909	51.4	54.4
United Kingdom	3,089	1,545	103.8	45.4

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia kekal positif pada Februari 2022 seiring dengan pengembangan berterusan dalam permintaan luaran dan peningkatan perbelanjaan domestik. IPP meningkat 3.9 peratus pada bulan Februari 2022 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya (**Carta 11**). Peningkatan IPP didorong oleh kenaikan 5.2 peratus dalam indeks Pembuatan dan 3.9 peratus dalam indeks Elektrik. Sebaliknya, indeks Perlombongan merosot 0.4 peratus.

Carta 11: Indeks Pengeluaran Perindustrian (Tahun ke Tahun), Februari 2021 – Februari 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor Pembuatan yang merupakan komponen terbesar bagi IPP berkembang 5.2 peratus pada Februari 2022. Perbandingan tahun ke tahun, output berorientasikan domestik meningkat sebanyak 6.2 peratus (Januari 2022: 7.0%) manakala, eksport berkembang 4.7 peratus (Januari 2022: 6.7%). Pertumbuhan industri berdasarkan domestik adalah disumbangkan oleh pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler yang meningkat sebanyak 9.9 peratus (Januari 2022: 5.0%), diikuti oleh pembuatan produk makanan yang berkembang sebanyak 5.4 peratus (Januari 2022: 11.1%) dan pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan yang meningkat sebanyak 4.8 peratus (Januari 2022: 6.7%). Sementara itu, penyumbang terbesar kepada pertumbuhan output berorientasikan eksport adalah pembuatan komputer, produk elektronik & optikal dengan sebanyak 14.3 peratus (Januari 2022: 16.0%), pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan, 7.6 peratus (Januari 2022: 0.3%) dan pembuatan kimia & produk kimia, 4.6 peratus (Januari 2022: 7.1%).

IPP bagi beberapa negara rakan dagang utama Malaysia berkembang pesat pada Februari 2022 dengan Singapore meningkat 17.6 peratus (Januari 2022: 2.4%), China meningkat 7.5 peratus (Januari 2022: 7.5%), United States of America (USA) berkembang 7.5 peratus (Januari 2022: 3.6%), Republic of Korea meningkat 6.5 peratus (Januari 2022: 4.2%) dan Japan terus berkembang 0.2 peratus (Januari 2022: -0.9%).

Output sektor Perlombongan merosot 0.4 peratus pada bulan Februari 2022 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Penurunan tersebut dipengaruhi oleh kejatuhan 4.3 peratus dalam indeks Minyak Mentah & Kondensat. Sementara itu, indeks Gas Asli tumbuh 2.6 peratus.


INDUSTRI DAN PEMBUATAN

Pembuatan

Nilai jualan sektor Pembuatan Malaysia pada Februari 2022 berjumlah RM131.6 bilion, berkembang 11.2 peratus (Januari 2022: 13.1%) berbanding bulan yang sama pada tahun 2021 (**Carta 12**). Pertumbuhan nilai jualan dipacu oleh Produk Makanan, Minuman & Tembakau (16.4%), Produk Petroleum, Kimia, Getah & Plastik (12.6%) dan Produk Elektrik & Elektronik (9.8%).

Selain itu, eksport Malaysia meningkat 16.8 peratus pada bulan Februari 2022 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya mencapai RM102.3 bilion (Januari 2022: 23.9%). Pertumbuhan ini ditunjangi oleh penghantaran yang lebih tinggi bagi Produk Elektrik & Elektronik yang didorong trend pendigitalan dunia serta Minyak kelapa sawit & hasil pertanian berdasarkan minyak kelapa sawit yang disokong oleh peningkatan harga minyak sawit. Pada masa yang sama, eksport ke pasaran utama termasuk ASEAN, China, European Union (EU) dan Japan mencatatkan pertumbuhan dua digit. Eksport barang perkilangan yang mewakili 85.2 peratus daripada jumlah eksport meningkat 14.2 peratus tahun ke tahun kepada RM87.2 bilion.

Carta 12: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Februari 2021 – Februari 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Berdasarkan Survei Pembuatan Bulanan, jumlah pekerja dalam sektor Pembuatan pada Februari 2022 adalah seramai 2.28 juta orang, meningkat 2.1 peratus berbanding 2.23 juta orang pada Februari 2021 (Januari 2022: 2.2%). Pertumbuhan ini disokong oleh industri Elektrik & Elektronik (4.7%), Kayu, Perabot, Produk Kertas & Percetakan (3.2%) dan Makanan, Minuman & Tembakau (1.2%). Gaji & upah yang dibayar meningkat 3.9 peratus pada Februari 2022 kepada RM7.8 bilion berbanding bulan yang sama tahun 2021 (Januari 2022: 4.1%). Selain itu, purata gaji & upah setiap pekerja meningkat 1.7 peratus kepada RM3,429 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, nilai jualan per pekerja juga turut meningkat 8.8 peratus kepada RM57,838 (Februari 2021: RM53,138).

Sektor Pembuatan akan terus menghadapi cabaran ekoran krisis Russia-Ukraine, strategi sifar COVID yang dilaksanakan di China, lonjakan harga komoditi, gangguan rantai bekalan dan bahan mentah serta kekurangan buruh. Namun begitu, pembukaan semula sempadan antarabangsa pada 1 April 2022 akan memberi manfaat kepada ekonomi domestik.


Prestasi Perdagangan Borong & Runcit

Nilai jualan bagi Perdagangan Borong & Runcit Malaysia kekal positif untuk bulan kedua 2022. Pertumbuhan pada Februari 2022 disumbangkan oleh kesan asas rendah disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada bulan yang sama tahun lepas. Walau bagaimanapun, prestasi bulan ke bulan menunjukkan penurunan berikutan penurunan dalam semua subsektor Perdagangan Borong & Runcit.

Prestasi Nilai Jualan

Jualan Perdagangan Borong & Runcit Malaysia mencatatkan pertumbuhan 8.5 peratus tahun ke tahun kepada RM117.2 bilion pada Februari. Pertumbuhan itu disumbangkan oleh subsektor Perdagangan Runcit yang meningkat sebanyak 10.2 peratus atau RM4.5 bilion untuk mencatatkan RM48.8 bilion. Perdagangan Borong juga berkembang sebanyak 6.2 peratus atau RM3.3 bilion kepada RM55.9 bilion. Dalam tempoh yang sama, Kenderaan Bermotor melonjak 12.5 peratus atau RM1.4 bilion kepada RM12.5 bilion (**Paparan 1**).

Paparan 1: Prestasi Sektor Perdagangan Borong dan Runcit, Februari 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bagi perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan Perdagangan Borong & Runcit menurun 2.5 peratus disebabkan oleh penguncupan 4.7 peratus dalam subsektor Perdagangan Borong.

Prestasi Kenderaan Bermotor

Pertumbuhan 12.5 peratus dalam subsektor Kenderaan Bermotor disumbangkan oleh Jualan Alat Ganti & Aksesori Kenderaan Bermotor yang melonjak 27.0 peratus atau RM3.5 bilion. Ini diikuti oleh Penyelenggaraan & Pembaikan Kenderaan Bermotor (27.3%), Jualan Kenderaan Bermotor (3.3%) dan Jualan, Penyelenggaraan & Pembaikan Motosikal (5.1%). Bagi perbandingan bulanan, jualan subsektor ini merosot secara marginal 0.7 peratus disebabkan Jualan Alat Ganti & Aksesori Kenderaan Bermotor yang jatuh sebanyak 4.3 peratus (**Carta 13**).

Carta 13: Prestasi Subsektor Kenderaan Bermotor, Februari 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Perdagangan Runcit

Subsektor Perdagangan Runcit meningkat sebanyak 10.2 peratus pada Februari 2022 disokong oleh Jualan Runcit di Kedai Bukan Pengkhususan yang meningkat 15.9 peratus atau RM2.5 bilion kepada RM18.3 bilion. Begitu juga, kumpulan lain dalam subsektor ini turut mencatatkan pertumbuhan positif iaitu Jualan Runcit di Kedai Khusus yang Menjual Bahan Api Kenderaan 18.1 peratus, Jualan Runcit di Kedai Khusus yang Menjual Peralatan Lain Isi Rumah 9.8 peratus, Jualan Runcit di Kedai Khusus yang Menjual Barang Lain 5.6 peratus, Jualan Runcit Makanan, Minuman & Tembakau di Kedai Pengkhususan 8.6 peratus, Jualan Runcit di Kedai Khusus yang Menjual Barang Kesenian & Rekreasi 5.7 peratus, Jualan Runcit Bukan di Kedai, Gerai atau Pasar 25.9 peratus dan Jualan Runcit di Gerai & Pasar 8.8 peratus (**Carta 14**). Dalam pada itu, jualan subsektor ini merosot 0.4 peratus bulan ke bulan.

Carta 14: Prestasi Subsektor Perdagangan Runcit, Februari 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Perdagangan Borong

Perdagangan Borong meningkat 6.2 peratus disokong oleh Lain-lain Pengkhususan Jualan Borong dengan pertumbuhan 6.0 peratus atau RM22.3 bilion. Ini diikuti oleh Jualan Borong Makanan, Minuman & Tembakau dengan peningkatan 9.2 peratus kepada RM10.9 bilion. Begitu juga, Jualan Borong Bahan Mentah Pertanian & Haiwan Hidup turut meningkat 15.9 peratus kepada RM4.7 bilion. Bagi perbandingan secara bulanan, Perdagangan Borong menurun 4.7 peratus disumbangkan terutamanya oleh Jualan Borong Barangani Isi Rumah yang turun 8.2 peratus seperti di **Carta 15**.

Carta 15: Prestasi Subsektor Perdagangan Borong, Februari 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Indeks Volum

Dari segi indeks volum untuk Februari 2022, Perdagangan Borong & Runcit berkembang sebanyak 3.8 peratus tahun ke tahun. Pengembangan ini disumbangkan oleh Kenderaan Bermotor dengan peningkatan 9.4 peratus. Begitu juga, Perdagangan Runcit & Perdagangan Borong juga merekodkan pertumbuhan, masing-masing dengan 5.4 peratus dan 0.4 peratus. Sementara itu, indeks volum pelarasan musim meningkat sebanyak 4.9 peratus bulan ke bulan (**Carta 16**).

Carta 16: Prestasi Indeks Volum Sektor Perdagangan Borong dan Runcit, Januari 2021 - Februari 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nilai Jualan bagi Negara-Negara Terpilih

Jadual 3: Nilai Jualan Bagi Negara-Negara Terpilih, Februari 2022 (Tahun ke Tahun)

Singapore	Hong Kong	United Kingdom	Republic of Korea
-2.4	-17.6	6.2	2.1

Sumber: Laman web rasmi agensi statistik negara terpilih

Melihat kepada prestasi jualan runcit di negara terpilih lain, Singapore dan Hong Kong mencatatkan pertumbuhan negatif pada Februari 2022 seperti di **Jadual 3**. Singapore melaporkan penurunan 2.4 peratus tahun ke tahun, disebabkan oleh jualan yang lebih rendah pada Februari berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas apabila jualan didorong oleh perbelanjaan sebelum Tahun Baharu Cina, di mana perbelanjaan sebelum Tahun Baharu Cina tahun ini berlaku pada bulan Januari. Begitu juga, Hong Kong mencatatkan penurunan 17.6 peratus pada bulan Februari disebabkan oleh keadaan COVID-19 yang semakin teruk dan pengetatan langkah anti-wabak yang dikenakan.

Sebaliknya, jualan runcit UK meningkat 6.2 peratus pada Februari. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ini harus ditafsirkan dengan berhati-hati kerana kesan asas di mana terdapat sekatan bagi barang bukan keperluan di beberapa bahagian di UK pada Februari 2021. Di Republic of Korea, jualan runcit meningkat 2.1 peratus tahun ke tahun pada Februari 2022, susut daripada kenaikan 4.7 peratus pada bulan sebelumnya.

Prospek Mac 2022

Melihat ke hadapan, prestasi Perdagangan Borong & Runcit pada Mac 2022 dijangka akan meneruskan momentum pemulihannya. Subsektor Kenderaan Bermotor dijangka menyumbang kepada pengembangan dalam Perdagangan Borong & Runcit, disokong oleh Jualan Kenderaan Bermotor. Jualan yang kukuh pada bulan Mac bagi Kenderaan bermotor adalah disebabkan oleh syarikat automotif yang meningkatkan jualan mereka memandangkan tahun kewangan mereka berakhir pada 31 Mac. Selain itu, faktor lain seperti kalender baharu bagi sesi persekolahan yang bermula pada 21 Mac serta persediaan untuk Ramadan yang akan datang pada awal April juga dijangka akan merancakkan lagi industri Perdagangan Runcit.


Perdagangan Barang

Bilangan kes harian baharu COVID-19 meningkat secara mendadak pada Februari 2022, melepas paras 30,000 kes buat pertama kalinya pada 23 Februari 2022 dengan 31,199 kes. Peningkatan ini menyumbang kepada peningkatan kes bulanan baharu COVID-19 daripada 112,672 kes pada Januari 2022 kepada 571,978 kes pada Februari 2022¹. Meskipun begitu, Kerajaan optimistik usaha yang dilaksanakan melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) adalah berkesan kerana lebih 99 peratus daripada mereka yang dijangkiti adalah sama ada tidak bergejala dan bergejala ringan. Seiring dengan perkembangan ini, kerajaan telah menyatakan bahawa ia tidak akan melaksanakan lagi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau sekatan rentas antara daerah serta antara negeri² bagi membendung penularan COVID-19, sekali gus menyumbang kepada aktiviti ekonomi bagi pengoperasian seperti biasa. Seiring perkembangan positif tersebut, jumlah perdagangan Malaysia mengekalkan pertumbuhan dua angka pada Februari 2022, namun pada momentum yang lebih perlahan. Jumlah perdagangan meningkat 17.5 peratus tahun ke tahun kepada RM184.8 bilion berbanding RM157.3 bilion pada Februari 2021. Ekspor meningkat 16.8 peratus kepada RM102.3 bilion, manakala import berkembang 18.4 peratus kepada RM82.5 bilion. Sebaliknya, lebihan dagangan meningkat 10.7 peratus tahun ke tahun kepada RM19.8 bilion. Sementara itu, pada asas bulan ke bulan, ekspor, import dan jumlah perdagangan masing-masing susut sebanyak 7.9 peratus, 10.8 peratus dan 9.2 peratus berbanding Januari 2022. Sebaliknya,imbangan dagangan bertambah baik sebanyak 6.6 peratus.

Kenaikan eksport pada Februari 2022 didorong terutamanya oleh peningkatan eksport ke China yang meningkat RM2.5 bilion, diikuti oleh Singapore (+RM1.8 bilion), European Union (E.U.) (+RM1.4 bilion), Viet Nam (+RM1.4 bilion) dan Thailand (+RM1.2 bilion). Sementara itu, peningkatan import pula disokong oleh pengembangan import dari Singapore (+RM2.3 bilion), diikuti oleh United States of America (U.S.A.) (+RM1.8 bilion), Indonesia (+RM1.3 bilion), Taiwan (+RM1.1 billion) dan China (+RM1.0 bilion). Perdagangan Malaysia pada Februari 2022 dipacu oleh China, Singapore, U.S.A. dan E.U. dengan jumlah sumbangan 47.4 peratus (Februari 2021: 48.1%).

Eksport barang Malaysia meningkat RM14.7 bilion kepada RM102.3 bilion pada Februari 2022 daripada RM87.6 bilion pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Prestasi positif disumbangkan terutamanya oleh eksport Barangan elektrik dan elektronik (E&E) (+RM8.1 bilion, +25.8%), Minyak kelapa sawit & dan hasil keluaran berdasarkan minyak kelapa sawit (+RM3.5 bilion, +58.0%) dan Gas asli cecair (LNG) (+RM1.3 bilion, +45.7%) seperti ditunjukkan dalam **Carta 17**. Eksport Sarung tangan getah mencatat trend merosot dengan penurunan 68.0 peratus tahun ke tahun kepada RM1.9 bilion daripada RM5.8 bilion pada Februari 2021, manakala eksport Kayu dan hasil keluaran kayu merekodkan kejatuhan buat pertama kalinya selepas kenaikan tiga bulan berturut-turut (-RM135.9 juta, -7.3%). Barang E&E, Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berdasarkan minyak kelapa sawit dan Keluaran petroleum bertapis merupakan produk eksport utama Malaysia pada Februari 2022 dengan sumbangan agregat 54.5 peratus (Februari 2021: 49.8%).

Carta 17: Ekspor Malaysia mengikut 10 Barang Utama dan Terpilih (Tahun ke Tahun), Februari 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


1 <https://covid-19.moh.gov.my/>

2 <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiada-lockdown-pada-aidilfitri-pm-346283>

SEKTOR LUARAN

Prestasi import Malaysia terus mengekalkan momentum positif pada Februari 2022, mencatatkan kenaikan 18.4 peratus tahun ke tahun kepada RM82.5 bilion daripada RM69.7 bilion pada Februari 2021. Peningkatan import dipacu oleh Barang E&E (+RM4.5 bilion, +21.5%), Keluaran petroleum bertapis (+RM1.5 bilion, +25.2%) dan Jentera & kelengkapan khusus untuk industri tertentu & alat ganti (+RM605.5 juta, +65.2%) seperti di **Carta 18**. Sementara itu, Emas, bukan bentuk wang menunjukkan trend negatif untuk bulan keempat berturut-turut (-RM785.0 juta, -45.0%). Barang E&E, Keluaran petroleum bertapis dan Jentera & kelengkapan khusus untuk industri tertentu & alat ganti menjadi penyumbang utama kepada import barang Malaysia pada Februari 2022 dengan sumbangan kumulatif 42.3 peratus (Februari 2021: 40.4%).


Carta 18: Import Malaysia mengikut 10 Barang Utama dan Terpilih (Tahun ke Tahun), Februari 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport dan import oleh rakan dagangan utama terus menunjukkan peningkatan pada Februari 2022 di sebalik peningkatan kes harian baharu COVID-19 global dan krisis geopolitik seperti di **Carta 19**.

Carta 19: Eksport dan Import bagi 10 Rakan Dagangan Utama Malaysia (Tahun ke Tahun), Februari 2022



Sumber: Laman web rasmi agensi statistik negara terpilih


Statistik perdagangan antarabangsa mengikut negeri bagi Februari 2022 menunjukkan peningkatan dalam jumlah dagangan RM27.5 bilion atau 17.5 peratus kepada RM184.8 bilion, tahun ke tahun. Peningkatan itu disumbangkan oleh prestasi yang menggalakkan terutamanya di Pulau Pinang yang meningkat sebanyak RM8.7 bilion (+21.5%), diikuti oleh Sarawak RM4.2 bilion (+58.7%), Selangor RM4.2 bilion (+11.2%), Kedah RM3.7 bilion (+57.9%), Johor RM2.8 bilion (+8.4%), W.P. Kuala Lumpur RM2.0 bilion (+26.2%), W.P. Labuan RM1.6 bilion (+289.6%), Sabah RM1.5 bilion (+64.8%), Pahang RM910.4 juta (+27.0%), Negeri Sembilan RM417.5 juta (+10.1%), Terengganu RM258.1 juta (+13.1%) dan Perlis RM42.1 juta (+29.3%). Walau bagaimanapun, jumlah dagangan berkurangan sebanyak RM1.8 bilion (-36.0%) di Melaka, Perak sebanyak RM1.6 bilion (-25.3%) dan oleh Kelantan RM256.5 juta (-42.6%).

Jumlah eksport meningkat RM14.7 bilion, atau 16.8%, kepada RM102.3 bilion dalam tempoh yang sama tahun lepas. Peningkatan itu didorong oleh eksport yang lebih tinggi terutamanya oleh Pulau Pinang (+RM5.7 bilion), Sarawak (+RM3.0 bilion), Kedah (+RM2.2 bilion), W.P. Labuan (+RM1.6 bilion), Selangor (+RM1.5 bilion), Sabah (+RM1.2 bilion), Johor (+RM1.1 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM1.0 bilion), Pahang (+RM103.8 juta) dan Perlis (+RM23.9 juta). Walau bagaimanapun, eksport menyusut di Melaka (-RM1.2 bilion), Perak (-RM1.1 bilion), Terengganu (-RM320.2 juta), Kelantan (-RM199.5 juta) dan Negeri Sembilan (-RM31.7 juta).

Pada masa sama, import meningkat RM12.8 bilion (+18.4%) pada Februari 2022 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan import yang lebih tinggi terutamanya dari Pulau Pinang (+RM3.1 bilion), Selangor (+RM2.7 bilion), Johor (+RM1.7 bilion), Kedah (+RM1.5 bilion), Sarawak (+RM1.2 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM1.0 bilion), Pahang (+RM806.6 juta), Terengganu (+RM578.3 juta), Negeri Sembilan (+RM449.2 juta), Sabah (+RM273.5 juta) dan Perlis (+RM18.2 juta). Walau bagaimanapun, import menurun di Melaka (-RM563.5 juta), Perak (-RM452.4 juta), Kelantan (-RM57.0 juta) dan W.P. Labuan (-RM5.6 juta).

Lima negeri terus mendominasi eksport negara dengan menyumbang 80.7 peratus daripada jumlah eksport. Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport teratas dengan sumbangan 29.6 peratus, diikuti oleh Selangor (19.3%), Johor (18.7%), Sarawak (8.2%) dan Kedah (4.8%). Manakala bagi import, Selangor kekal sebagai penyumbang terbesar dengan syer sebanyak 26.3 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (23.1%), Johor (20.2%), W.P. Kuala Lumpur (7.1%) dan Kedah (6.2%) seperti di **Paparan 2**.

Paparan 2: Eksport dan Import mengikut Negeri, Februari 2021 dan Februari 2022



▲▼ Semua perubahan berdasarkan perbandingan tahun ke tahun

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota:

1. Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau perikraran yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam infografik ini.
2. Nilai eksport atau import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.

SEKTOR LUARAN

Ketegangan geopolitik baru-baru ini dijangka memberi impak yang besar kepada ekonomi global, terutamanya pada rantai bekalan komoditi utama. Akibatnya, World Trade Organization (WTO) telah menurunkan unjuran volum perdagangan global tahun ini kepada 2.5 peratus, menurun daripada 4.7 peratus pada Oktober 2021³. Sementara itu, jumlah perdagangan Malaysia mengekalkan momentum dua angka pada Mac 2022, berkembang 27.3 peratus kepada RM236.6 bilion berbanding RM185.8 bilion pada Mac 2021, berikutan peningkatan harga komoditi utama. Eksport meningkat 25.4 peratus kepada RM131.6 bilion, manakala import bertumbuh 29.9 peratus kepada RM104.9 bilion. Imbangan dagangan kekal lebih pada RM26.7 bilion, meningkat 10.3 peratus daripada tahun sebelumnya. Berbanding Februari 2022, eksport, import, jumlah dagangan dan imbangan dagangan melonjak masing-masing 28.7 peratus, 27.3 peratus, 28.1 peratus dan 34.8 peratus.

Di samping itu, kerajaan telah mengumumkan pada 9 Mac 2022 bahawa Malaysia akan memasuki fasa peralihan ke endemik bermula 1 April 2022 yang termasuk pemansuhan sekatan waktu operasi premis perniagaan dan pembukaan semula sempadan negara. Keputusan itu dibuat selepas mengambil kira pelbagai faktor termasuk penilaian risiko, mendapatkan pandangan Kementerian Kesihatan (KKM) serta selepas meneliti saranan daripada Menteri Kuartet⁴. Berita positif ini dijangka merancakkan lagi aktiviti ekonomi dalam negara ini dan seterusnya memberi kesan kepada prestasi perdagangan Malaysia dalam beberapa bulan akan datang.

Nota: Artikel ini merujuk kepada statistik awalan daripada penerbitan bulan rujukan.

3 <https://www.bbc.com/news/business-60949053#:~:text=The%20Ukraine%20war%20has%20led,boss%20Dr%20Ngozi%20Okonjo%2Dlweala>


4 <https://www.pmo.gov.my/2022/03/kenyataan-media-berkaitan-fasa-peralihan-ke-endemik/>

Senario Buruh

Pada Februari 2022, lebih banyak pelonggaran sekatan sosial dan ekonomi telah dilaksanakan, mengambil kira seluruh negara telah pun berada dalam fasa keempat Pelan Pemulihran Negara (PPN). Tahun Baru Cina pada awal bulan tersebut disambut dalam suasana yang lebih meriah berbanding tahun sebelumnya yang mana kebanyakan negeri tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Di samping itu, aktiviti rekreasi dan pelancongan domestik terus rancak apabila orang ramai memanfaatkan cuti sekolah pada bulan tersebut untuk meluangkan masa bersama keluarga. Walaupun dengan peningkatan kes harian baharu COVID-19 berikut kemunculan varian Omicron yang lebih mudah merebak, lebih banyak prosedur operasi standard telah ditarik balik mengambil kira gejala yang tidak serius serta keupayaan sistem kesihatan negara untuk menangani situasi tersebut. Oleh itu, kedudukan tenaga buruh pada Februari 2022 bertambah baik dengan peningkatan guna tenaga manakala pengangguran terus menunjukkan penurunan.

Bilangan penduduk bekerja mencatatkan peningkatan marginal 0.3 peratus (+44.8 ribu orang) kepada 15.73 juta orang pada Februari 2022 (Januari 2022: 15.69 juta orang). Oleh itu, nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan keupayaan negara untuk mewujudkan pekerjaan meningkat 0.1 mata peratus kepada 66.3 peratus. Sementara itu, berbanding asas yang rendah pada bulan yang sama setahun yang lalu, bilangan penduduk bekerja meningkat 3.0 peratus (Februari 2021: 15.27 juta orang) manakala nisbah guna tenaga kepada penduduk melonjak 1.1 mata peratus (Februari 2021: 65.2%) (**Carta 19**).

Carta 19: Penduduk Bekerja dan Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk, Januari 2018 - Februari 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Analisis selanjutnya mengikut sektor ekonomi menunjukkan bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan kekal dalam trend meningkat, terutamanya dalam Perkhidmatan makanan & minuman, Perdagangan borong & runcit dan aktiviti Pengangkutan & penyimpanan. Bilangan guna tenaga dalam sektor Pembuatan dan Pembinaan juga mencatatkan peningkatan. Sebaliknya, pekerjaan dalam sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian mencatatkan penurunan berterusan.

Mengikut taraf pekerjaan, kategori pekerja yang meliputi hampir 80 peratus daripada jumlah penduduk bekerja mencatatkan pertambahan 17.3 ribu penduduk bekerja (0.1%) berbanding bulan sebelumnya kepada 12.05 juta orang. Penduduk bekerja sendiri turut mencatatkan peningkatan 0.7 peratus (+18.6 ribu orang) kepada 2.67 juta orang. Antara yang berada dalam kategori ini ialah mereka yang bekerja di pasar tani, pasar malam dan gerai; serta *freelancer* (**Carta 20**).

SENARIO BURUH


Carta 20: Penduduk Bekerja mengikut Taraf Pekerjaan, Januari 2022 dan Februari 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada Februari 2022, kadar pengangguran jatuh kepada 4.1 peratus (Januari 2022: 4.2%) manakala bilangan penganggur turun 8.6 ribu orang (-1.3%) merekodkan 671.8 ribu orang (Januari 2022: 680.4 ribu orang). Berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya, kadar pengangguran adalah 0.7 mata peratus lebih rendah manakala bilangan penganggur merekodkan penurunan 105.7 ribu orang (Februari 2021: 777.5 ribu orang) seperti ditunjukkan pada **Carta 21**.


Carta 21: Penganggur dan Kadar Pengangguran, 1982 - 2021 dan Januari 2020 - Februari 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lebih 80 peratus daripada penganggur adalah mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan yang juga dikenali sebagai penganggur aktif (83.7%) seperti ditunjukkan pada **Carta 22**. Dalam kalangan kumpulan ini, lebih daripada separuh (56.7%) menganggur kurang daripada tiga bulan, manakala mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang selama lebih daripada setahun menyumbang 7.3 peratus. Sementara itu, bilangan kumpulan penganggur yang tidak aktif atau yang percaya bahawa tiada pekerjaan yang tersedia merekodkan pengurangan 1.6 ribu orang kepada 109.3 ribu orang (Januari 2022: 110.9 ribu orang).


Carta 22: Kategori Penganggur dan Tempoh Menganggur, Januari 2022 dan Februari 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Berikutnya peningkatan guna tenaga dan penurunan pengangguran, bilangan tenaga buruh meningkat 0.2 peratus (36.3 ribu orang) pada Februari 2022 kepada 16.40 juta orang (Januari 2022: 16.37 juta orang). Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) kekal seperti bulan sebelumnya pada 69.1 peratus. Sementara itu, perbandingan tahun ke tahun, tenaga buruh meningkat 2.2 peratus atau bersamaan dengan 354.5 ribu orang (Februari 2021: 16.05 juta orang), manakala KPTB meningkat 0.6 mata peratus (Februari 2021: 68.5%) seperti ditunjukkan pada (Carta 23).


Carta 23: Tenaga Buruh dan KPTB, 1982 - 2020 dan Januari 2020 - Februari 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada bulan tersebut, bilangan penduduk luar tenaga buruh terus menurun, mencatatkan penurunan 11.4 ribu orang (-0.2%) kepada 7.32 juta orang berbanding Januari 2022. Sumbangan peratus terbesar luar tenaga buruh adalah disebabkan oleh tanggungjawab kerja rumah/keluarga iaitu 41.7 peratus, diikuti oleh persekolahan/latihan dengan sumbangan 40.9 peratus (Carta 24).

Carta 24: Peratus Sumbangan Penduduk Luar Tenaga Buruh mengikut Sebab Tidak Mencari Pekerjaan, Januari 2022 dan Februari 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

SENARIO BURUH

Aktiviti ekonomi yang menggalakkan dalam tempoh dua bulan pertama 2022 telah mempengaruhi peningkatan permintaan buruh oleh sektor ekonomi bagi memenuhi keperluan operasi perniagaan. Situasi ini memberi isyarat jangkaan pasaran buruh yang lebih optimistik sekaligus merangsang penyertaan tenaga buruh yang lebih tinggi; yang mana secara tidak langsung membolehkan pasaran buruh kekal kukuh pada bulan-bulan akan datang.

Malaysia telah berjaya memasuki fasa “Peralihan ke Endemik” pada 1 April 2022, selepas menilai keupayaan sistem kesihatan negara dalam menguruskan krisis COVID-19 dan dengan lebih 80 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia telah divaksin sepenuhnya. Semasa fasa ini, semua larangan berkaitan waktu operasi perniagaan telah ditarik balik, dan penduduk beragama Islam dibenarkan solat berjemaah tanpa penjarakan fizikal. Peralihan ke fasa endemik adalah strategi keluar yang akan membolehkan negara kembali ke kehidupan normal setelah hampir dua tahun melawan pandemik ini. Ini dijangka dapat meningkatkan permintaan untuk barang dan perkhidmatan, seterusnya akan menyumbang kepada peningkatan pengeluaran dan pewujudan pekerjaan. Lebih penting lagi, peralihan kepada fasa endemik juga menyaksikan Malaysia membuka semula semua sempadan antarabangsa negara. Ini akan mendorong lebih banyak aktiviti pelancongan antarabangsa dan seterusnya membantu pemuliharaan sektor pelancongan negara. Pembukaan semula sempadan negara juga boleh menangani kekurangan pekerja asing dalam sektor dan kemahiran tertentu di negara ini.


Indeks Harga Pengguna

Item makanan yang merupakan penyumbang terbesar kepada keseluruhan wajaran Indeks Harga Pengguna, terus kekal menjadi penyumbang utama kepada inflasi negara. Langkah intervensi kerajaan dengan menetapkan harga siling runcit bagi ayam standard dan telur gred A, B dan C bermula 5 Februari sehingga 5 Jun 2022 telah menghalang inflasi makanan dari terus meningkatt.

Inflasi negara pada Februari 2022 meningkat 2.2 peratus kepada 125.2 berbanding 122.5 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Kenaikan ini juga melepassi kadar inflasi purata Malaysia bagi tempoh 2011 hingga Februari 2022 (1.9%). Peningkatan inflasi keseluruhan ini telah didorong terutamanya oleh kenaikan dalam Pengangkutan (3.9%) dan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (3.7%). Ini diikuti oleh Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (3.2%); Restoran & Hotel (2.6%) dan Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (1.6%).

Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api lain dan Pendidikan masing-masing mencatatkan peningkatan 0.8 peratus dan 0.7 peratus. Begitu juga, Kesihatan dan Minuman Alkohol & Tembakau masing-masing mencatatkan peningkatan marginal 0.5 peratus dan 0.4 peratus. Komunikasi kekal tidak berubah, manakala Pakaian & Kasut menurun 0.2 peratus berbanding pada bulan yang sama tahun sebelumnya (**Carta 25**).


Carta 25: IHP Keseluruhan, Pengangkutan dan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (Tahun ke Tahun), Februari 2021 – Februari 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sejajar dengan itu, kumpulan Pengangkutan meningkat 3.9 peratus berikutan kesan asas yang rendah yang dikaitkan dengan penetapan harga siling Petrol Tanpa Plumbum RON95 pada Mac 2021 (RM2.05). Ianya masih tinggi berbanding harga purata RM1.96 per liter pada Februari 2021. Tambahan pula, harga purata Petrol Tanpa Plumbum RON97 turut meningkat dengan ketara kepada RM3.21 per liter berbanding RM2.26 per liter pada bulan yang sama tahun sebelumnya (**Carta 26**).

Carta 26: Purata Harga Bahan Api, Februari 2021 – Februari 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Makanan & Minuman Bukan Alkohol yang menyumbang sebahagian besar perbelanjaan isi rumah, meningkat dengan ketara berbanding bulan sebelumnya. Inflasi dalam kumpulan ini meningkat 3.7 peratus pada Februari 2022 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya (**Jadual 4**). Peningkatan ini direkodkan dalam semua subkumpulan bagi Makanan & Minuman Bukan Alkohol. Subkumpulan Daging yang meningkat 9.0 peratus terus menjadi penyumbang utama dalam kenaikan kumpulan ini. Ini diikuti oleh kenaikan Susu, keju & telur (5.1%); Sayur-sayuran (4.3%); Minyak & lemak (4.1%); dan Ikan & makanan laut (3.6%).

Jadual 4: Perubahan Peratus Subkumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (Tahun ke Tahun), Februari 2022

Kumpulan Utama	Wajaran	Tahun ke Tahun (%) Februari 2022
Makanan & Minuman Bukan Alkohol	29.5	3.7
Makanan	28.4	3.9
Makanan Di Rumah	16.9	4.1
Beras, Roti & Bijirin Lain	3.5	2.1
Daging	2.5	9.0
Ikan & Makanan Laut	4.0	3.6
Susu, Keju & Telur	1.5	5.1
Minyak & Lemak	0.6	4.1
Buah-buahan	1.2	1.8
Sayur-sayuran	2.1	4.3
Gula, Jem, Madu, Coklat & Manisan	0.6	2.1
Keluaran Makanan t.t.t.l.	1.0	2.8
Makanan Di Luar Rumah	11.5	3.6
Kopi, Teh, Koko & Minuman Bukan Alkohol	1.1	0.9

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Konflik antara Ukraine dengan Russia mungkin menjelaskan rantaian bekalan dan mempunyai kesan riak merentasi ekonomi global. Ini hampir pasti akan memberi kesan kepada kos pengangkutan dan seterusnya kepada inflasi negara.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) pengeluaran tempatan yang mengukur kos barang di pintu kilang mencatatkan peningkatan 9.7 peratus pada Februari 2022 berbanding kenaikan 9.2 peratus pada bulan sebelumnya. Peningkatan ini dipacu oleh indeks Pertanian, perhutanan & perikanan yang melonjak sebanyak 17.7 peratus (Januari 2022: 12.5%), terutamanya didorong oleh indeks bagi Penanaman tanaman kekal (23.3%), Perikanan (9.4%) dan Pengeluaran ternakan (4.8%). Indeks Perlombongan terus mencatatkan peningkatan dua digit 23.3 peratus berbanding 34.3 peratus pada Januari 2022.

Sementara itu, indeks Pembuatan meningkat 7.9 peratus berbanding 7.0 peratus pada Januari 2022, disokong oleh kenaikan dalam indeks subsektor Pembuatan produk petroleum bertapis (20.3%), Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan (18.6%) dan Pembuatan kimia asas, baja & sebatian nitrogen, plastik & getah sintetik dalam bentuk primer (13.1%). Di samping itu, indeks Bekalan air dan Bekalan elektrik & gas juga masing-masing meningkat 1.4 peratus dan 0.8 peratus.

Dari segi perbandingan bulan ke bulan, IHPR pengeluaran tempatan meningkat 2.0 peratus berbanding 1.3 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Kenaikan ini disumbangkan oleh peningkatan 6.9 peratus dalam indeks Pertanian, perhutanan & perikanan (Januari 2022: 4.5%), dipacu oleh harga Buah tandan segar kelapa sawit yang lebih tinggi. Sementara itu, harga Minyak mentah dan Gas asli terus meningkat pada Februari 2022, menyumbang kepada kenaikan 3.6 peratus dalam indeks Perlombongan. Indeks Pembuatan meningkat 1.3 peratus (Januari 2022: 0.8%), disumbangkan oleh indeks subsektor Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan (3.2%), Pembuatan produk petroleum bertapis (2.1%) dan Pembuatan komponen & papan elektronik (0.5%). Di samping itu, indeks Bekalan elektrik & gas juga meningkat 0.2 peratus, manakala, indeks Bekalan air turun 0.2 peratus (**Jadual 5**).


Jadual 5: Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor, Malaysia

Sektor	Kod	Wajaran	Indeks	Perubahan Peratus (%)					
				Tahun ke Tahun			Bulan ke Bulan		
			Feb 2022	Feb 2021	Jan 2022	Feb 2022	Feb 2021	Jan 2022	Feb 2022
JUMLAH		100.00	119.4	2.7	9.2	9.7	1.5	1.3	2.0
Pertanian, perhutanan & perikanan	A	6.73	164.6	35.0	12.5	17.7	2.2	4.5	6.9
Perlombongan	B	7.93	103.8	-11.0	34.3	23.3	12.9	3.1	3.6
Pembuatan	C	81.57	117.2	1.5	7.0	7.9	0.5	0.8	1.3
Bekalan elektrik & gas	D	3.44	116.8	-1.9	0.9	0.8	0.3	0.1	0.2
Bekalan air	E	0.33	113.5	0.8	1.2	1.4	-0.4	0.2	-0.2

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya meningkat 17.7 peratus pada Februari 2022, disumbangkan oleh indeks Bahan bukan makanan dan Bahan makanan & makanan untuk binatang yang masing-masing meningkat 20.4 peratus dan 3.7 peratus. Begitu juga, indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen kekal mencatatkan peningkatan dua digit 11.4 peratus pada Februari 2022 (Januari 2022: 10.8%) didorong oleh kenaikan dalam indeks Bahan api yang diproses & pelincir (18.4%) dan Bahan & komponen untuk pembuatan (11.8%). Walau bagaimanapun, indeks Barang siap turun 0.2 peratus disebabkan oleh penurunan dalam indeks Kelengkapan modal (-1.8%) seperti ditunjukkan pada **Carta 27**.

Carta 27: Indeks Harga Pengeluar mengikut Peringkat Pemprosesan (Tahun ke Tahun), Februari 2021 – Februari 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Gangguan kepada rantaian bekalan global terutamanya bagi komoditi utama global dunia dijangka akan bertambah teruk berikutan tekanan yang berlaku antara Russia dan Ukraine. Harga bagi komoditi utama dan bahan mentah seperti minyak mentah, semikonduktor, baja, gas asli dan bijirin dilihat akan terus meningkat memandangkan kedua-dua negara ini merupakan antara pengeluar utama terbesar bagi bahan mentah. Akibatnya, kos pengeluaran akan meningkat, mendorong kepada kenaikan harga lebih tinggi bagi produk akhir, yang memberikan tekanan kepada pengguna terutamanya isi rumah berpendapatan rendah.

